



Prk.ML 10/03/35 Jld 10 ( 1 )

19 Jun 2014

## SEMUA PENGARAH PERIKANAN NEGERI

Tuan,

### TAMBAHAN SYARAT LESEN VESEL DAN PERALATAN MENANGKAP IKAN

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada surat Prk ML 10/03/35 Jld 1( ) bertarikh 25 Februari 2014.

2. Seperti Tuan sedia maklum, dalam surat bertarikh 25 Februari 2014, satu syarat tambahan "Dilarang melakukan aktiviti penyiripan ikan yu iaitu memotong atau memiliki sirip ikan yu diatas vesel penangkapan ikan" telah pun ditetapkan untuk di cop sebagai syarat tambahan dalam semua lesen peralatan menangkap ikan.

3. Sehubungan dengan ini, Penasihat Undang-Undang telah memberi pandangan bahawa pihak pendakwaan akan menghadapi kesukaran untuk membuktikan niat "dibawa balik ke pangkalan". Cadangan penambahbaikan "dan badan ikan yu dibuang ke laut" telah ditambahkan dalam syarat asal.

4. Dengan itu, kerjasama tuan adalah dipohon untuk mengambil tindakan menyediakan cop dengan pindaan syarat seperti berikut:

**Dilarang melakukan aktiviti penyiripan ikan yu iaitu memotong atau memiliki sirip ikan yu diatas vesel penangkapan ikan dan badan ikan yu dibuang ke laut.**

5. PPN dikehendaki mengecop syarat ini pada **semua** Buku Lesen Vesel dan Peralatan Menangkap Ikan Zon A, B, C, C2 dan C3.

6. Saiz huruf bagi tambahan syarat lesen diatas hendaklah sama dengan saiz huruf lesen sedia ada dan dicop dimuka surat bahagian syarat-syarat lesen dalam Buku Lesen.

7. Arahan ini hendaklah di laksanakan SERTA MERTA.

Sekian, untuk tindakan tuan . Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)**

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

Jabatan Perikanan Malaysia

**PUTRAJAYA.**

s.k

Y. Brs Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Y. Brs Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Semua Pengarah Bahagian

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Semua Pegawai Perikanan/Penolong Pegawai Perikanan/Pembantu Perikanan  
Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber